

## Zurich Malaysia dan AEON Bank Bekerjasama Untuk Mencipta Kewangan Islam Yang Inklusif

- Perkongsian tiga pihak antara Zurich Takaful, Zurich General Takaful, dan AEON Bank
- Komitmen bersama bagi mempromosikan produk takaful lebih inklusif berasaskan prinsip Syariah



*Kepimpinan kanan daripada Zurich Malaysia dan AEON Bank yang instrumental terhadap kerjasama strategik tersebut; Junior Cho, Country CEO/Head of Zurich Malaysia (ketiga dari kanan) dan YM Raja Teh Maimunah, Ketua Pegawai Eksekutif AEON Bank (ketiga dari kiri); di samping Shamsul Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich General Takaful Malaysia (pertama dari kanan); Nur Fatihah Mustafa, Wakil Sah Zurich Takaful Malaysia (kedua dari kanan); Ajith Jayaram, Ketua Pegawai Strategi & Ketua Perbankan Peribadi AEON Bank (pertama dari kiri); dan Idham Baharum, Ketua Bendahari AEON Bank (kedua dari kiri)*

**KUALA LUMPUR, 20 Mei 2024** – Dalam satu langkah penting ke arah kewangan yang inklusif seiring dengan prinsip-prinsip perbankan Islam, Zurich Malaysia melalui perniagaan takaful keluarga, Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB) dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad (ZGTMB) menjalin kerjasama strategik dengan AEON Bank (M) Berhad (AEON Bank), bank digital Islam pertama Malaysia.

Kolaborasi Zurich Malaysia dengan AEON Bank mencerminkan usaha bersama menawarkan produk patuh Syariah untuk menjaga kesejahteraan peribadi dan kewangan pelanggan tempatan. Perkongsian tiga pihak itu menandakan komitmen semua pihak terhadap penggunaan teknologi kewangan (fintech) generasi akan datang, dengan menawarkan produk perlindungan digital-dahulu dalam ekosistem kewangan Islam Malaysia yang teguh.

**Shamsul Azman, Ketua Pegawai Eksekutif ZGTMB**, berkata, “Kami berbesar hati menerajui pendigitalan takaful untuk negara, dengan memanfaatkan rangkaian global kami, kepakaran tempatan dan keupayaan teknologi untuk mengembangkan perlindungan takaful untuk semua rakyat Malaysia. Kami gembira untuk menawarkan [Zurich Edge](#) kepada AEON Bank, yang membolehkan pengalaman pengguna yang lancar, diperibadikan dan lebih berkaitan. Kerjasama kami dengan AEON Bank menyerlahkan dedikasi kami untuk membantu rakyat Malaysia dalam melindungi aset mereka dan membuka laluan baharu untuk pengembangan sektor kewangan Islam dalam ruang digital.”

Menyuarakan pendapat serupa, **Nur Fatihah Mustafa, Wakil Sah ZTMB**, berkata, “Di dalam era pendigitalan yang pesat masa kini, kami di Zurich Malaysia sentiasa mencari rakan-rakan kongsi yang selaras dengan kempen jenama kami ‘Lindungi Segala Perkara yang Bermakna’. Kolaborasi kami dengan AEON Bank adalah untuk melaksanakan wawasan bersama iaitu mempromosikan kewangan

patuh Syariah yang inklusif bukan sahaja untuk masyarakat Islam, tetapi untuk rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat. Melalui kerjasama berbilang tahun ini, kami bersedia memenuhi keperluan dinamik pelanggan yang celik digital masa kini dan berada di barisan hadapan dalam inovasi digital. Tiada keutamaan yang lebih penting daripada perlindungan yang boleh kami sediakan untuk keluarga dan orang tersayang, dan kami teruja dan bangga dapat memacunya melalui kerjasama dengan AEON Bank.”

Menumpukan kepada pertumbuhan dan pembangunan perbankan digital Islam, **YM Raja Teh Maimunah, Ketua Pegawai Eksekutif AEON Bank** berkata, “Kolaborasi antara AEON Bank dan operasi takaful Zurich Malaysia pastinya bakal meneguhkan usaha ke arah menawarkan produk takaful patuh Syariah bagi rakyat Malaysia. Kami mengenalpasti bahawa terdapat jurang dalam pasaran pelan perlindungan mikro, maka dengan itu kami berazam untuk memudahkan akses kepada produk takaful yang mampu milik, supaya rakyat Malaysia boleh memastikan mereka mampu untuk melindungi insan tersayang serta dapat membantu menghadang musibah di waktu kesusahan. Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan Zurich Malaysia ke arah menjayakan komitmen bersama ini.”

Untuk maklumat lanjut mengenai kerjasama ini, sila layari [Zurich Takaful, Zurich General Takaful](#) dan [AEON Bank](#).

###

## Nota kepada editor:

### **Tentang Zurich Malaysia**

**Zurich Malaysia** adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

### **About Zurich Edge**

Zurich Edge is a flagship digital partnerships proposition that delivers tailored and innovative solutions for customers within a partner’s ecosystem. With its open architecture full-stack platform, Zurich Edge enables seamless journeys, personalized experiences, and optimization capabilities to drive deeper engagement with digital consumers and unlock unparalleled value for partners’ businesses. Leveraging Zurich’s strong insurance expertise, Zurich Edge comes with a dedicated digital squad in each Asia Pacific market to co-create and launch insurance opportunities that deliver competitive advantages.

### **Mengenai AEON Bank (M) Berhad (AEON Bank)**

**AEON Bank (M) Berhad** (dahulunya dikenali sebagai ACS Digital Berhad) merupakan anak syarikat AEON Financial Service Co., Ltd. (“AFS Japan”) dan syarikat bersekutu AEON Credit Service (M) Berhad (“AEON Credit”). AFS Japan adalah kumpulan kewangan yang komprehensif dengan akar umbi dalam sektor runcit yang telah beroperasi di negara Jepun, serta 10 negara/rantau lain di Asia, dan ia bertanggungjawab terhadap Perniagaan Perkhidmatan Kewangan Kumpulan AEON (AEON Group). Kumpulan AEON merupakan syarikat induk tulen yang meliputi lapan perniagaan utama. Ia menjana pertumbuhan seimbang dan merupakan sebuah kumpulan runcit yang terbesar di Jepun. Kumpulan AEON Malaysia terdiri daripada lapan entiti terkemuka iaitu AEON CO. (M) BHD., AEON BiG (M) Sdn Bhd, AEON Fantasy (M) Sdn Bhd, AEON Credit Service (M) Berhad, AEON TopValu (M) Sdn Bhd, AEON Global Supply Chain Sdn Bhd, AEON Delight (M) Sdn Bhd dan Yayasan AEON Malaysia.